

## **FAKTOR YANG MENDORONG MINAT MENGHAFAZ AL-QURAN DALAM KALANGAN PELAJAR TAHFIZ**

Sharifah Noorhidayah binti Syed Aziz  
PhD Candidate of Universiti Kebangsaan Malaysia/  
Lecturer at Department of Tahfiz al-Quran & Qiraat  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
[sh.noorhidayah@kuis.edu.my](mailto:sh.noorhidayah@kuis.edu.my)

Mastor, K.A  
Centre for Liberal Studies,  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor  
[kam2000@ukm.edu.my](mailto:kam2000@ukm.edu.my)

Izuli bin Dzulkipli  
Lecturer at Research Centre for Quran and Sunnah, Faculty of Islamic Studies,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor.  
[izuli@ukm.edu.my](mailto:izuli@ukm.edu.my)

### **ABSTRAK**

Kaedah Pendidikan tahfiz al-Quran adalah berbeza dengan kaedah pendidikan akademik yang lain, ia memerlukan minat dan kekentalan diri yang jitu bagi seorang pelajar tahfiz untuk menghabiskan 30 juzuk al-Quran. Tidak semua pelajar tahfiz yang memasuki institusi tahfiz berjaya menghabiskan hafazan 30 juzuk dengan jayanya. Minat merupakan salah satu faktor yang mendorong pelajar tahfiz mencintai al-Quran dan menghabiskan 30 juzuk hafazan al-Quran. Oleh itu, kertas kerja ini adalah untuk meneroka dan menghuraikan faktor yang mendorong minat menghafaz al-Quran dalam kalangan pelajar tahfiz. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan metode pengumpulan data melalui kaedah Temubual Kumpulan Berfokus (FGD) yang terdiri daripada 64 orang pelajar tahfiz PITAS (Persatuan Institut Tahfiz Selangor) yang berumur 13 hingga 17 tahun dari 8 buah maahad tahfiz di negeri Selangor. Hasil Kajian mendapati bahawa faktor minat menghafaz boleh diklasifikasikan kepada faktor minat sebelum dan selepas masuk ke maahad tahfiz. Faktor minat sebelum memasuki maahad tahfiz iaitu minat menghafaz timbul dari (i) Mendengar alunan bacaan-bacaan al-Quran (ii) Latar belakang pengalaman keluarga (iii) Dorongan menyertai kem-kem tahfiz hujung minggu dan pertandingan musabaqah, (iv) Penampilan dan pergaulan (v) Minat menghafaz untuk menunaikan impian/ harapan keluarga. Faktor minat selepas masuk maahad tahfiz dipupuk melalui (i) sokongan dan semangat rakan-rakan (ii) suasana dan persekitaran maahad (iii) Guru sebagai pembimbing. Oleh yang demikian, bagi melahirkan pelajar tahfiz yang holistik, dorongan minat menghafaz al-Quran perlu terus dipupuk sehingga pelajar mampu membawa identiti dan peribadi yang baik walau dimana mereka berada.

Kata Kunci- Minat, pelajar tahfiz, keperibadian, Focus Group Discussion, PITAS

## 1.0 PENGENALAN

Kebelakangan ini pengajian dalam bidang tahfiz al-Quran mendapat sambutan yang sangat menggalakkan terutamanya dalam kalangan ibu bapa yang mahu menghantar anak mereka untuk mengikuti pengajian dalam bidang ini. Bilangan permohonan untuk memasuki institusi yang menawarkan tahfiz al-Quran di seluruh negara sama ada di bawah kelolaan kerajaan negeri mahupun persekutuan atau swasta semakin bertambah dari tahun ke tahun (Nordin 2005) sehingga tahun 2019 jumlah pelajar tahfiz meningkat kepada 53410 orang pelajar (SIMPENI 2019).

Fenomena ini boleh dianggap sebagai satu fenomena positif kerana ini menunjukkan tahap kesedaran yang tinggi dalam kalangan ibu bapa atau penjaga tentang kepentingan pendidikan agama untuk anak-anak mereka (Mohd Arif 1998) dalam meningkatkan kecemerlangan pelajar (Ismarulyusda et al.2016, Nor Hisham Mat Nawi et al 2014, Murihah, Abdul Hafiz, Mohd Faez 2015, Azizah 2017, Mohd Aderi 2017). Ibubapa yang menghantar anak-anak mereka ke sekolah aliran tahfiz ini bertujuan untuk memastikan anak-anak mereka mendapat ilmu yang bersepadu untuk menjadi insan yang sempurna dalam menghadapi arus kehidupan era globalisasi ini.

“Falsafah Pendidikan Kebangsaan meletakkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan” sebagai asas dalam segala aktiviti pendidikan. Perspektif Islam melihat pendidikan bukan alat yang hanya melatih fikiran pelajar menjadi lebih cerdas atau ilmu untuk dikuasai oleh semua pelajar. Pendidikan merupakan kaedah yang dapat membangunkan potensi individu manusia secara seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani (Mohd Kamal Hasan, 1988; Wan Mohd Zahid Mohd Nordin, 1994).

Begitu juga dengan visi Persatuan Institusi Tahfiz Persendirian Selangor (PITAS) yang ingin melahirkan generasi al-Quran professional yang mahir dengan keilmuannya, beriman, beramal, bersepadu, berakhlak mulia, berdaya saing, berketerampilan kukuh dengan nilai Islam seiring dengan perkembangan arus perdana dunia masa kini menjadi kayu ukur bahawa kecemerlangan pelajar tahfiz sangat dititiberatkan dalam melahirkan lebih ramai lagi pelajar tahfiz yang holistik. Sehingga tahun 2019, pelajar tahfiz PITAS telah meningkat kepada 17013 orang pelajar tahfiz ( PITAS 2019).

## 2.0 PERNYATAAN MASALAH

Kaedah pendidikan hafazan al-Quran sangat berbeza dengan kaedah pendidikan akademik, Ia memerlukan konsentrasi yang sangat tinggi (Zakiyah, Hasan 2014). Dalam konteks menghafaz al-Quran, minat yang mendalam terhadap hafazan al-Quran perlu hadir dalam diri pelajar tahfiz bagi melahirkan penghayatan yang baik dalam memantapkan tahap pemahaman dalam hafazan. Namun tidak kesemua pelajar tahfiz yang memasuki institusi tahfiz mempunyai minat yang mendalam dalam menghafaz al-Quran. Ada yang memasuki bidang ini atas pujukan atau desakan ibu dan bapa, tidak mendapat tempat di sekolah akademik yang diidamkan dan pelbagai lagi masalah lain. Oleh sebab itu, terdapat perbezaan prestasi hafazan al-Quran ke atas setiap pelajar tahfiz. Oleh sebab itu, terdapat perbezaan prestasi hafazan al-Quran ke atas setiap pelajar tahfiz. Buktinya, 60% daripada pelajar tidak menamatkan hafazan al-Quran mengikut jadual yang ditetapkan (Misnan dan Ahmad Sadadi 2003). Malah, hasil kajian sekumpulan penyelidik dari Universiti Teknologi Malaysia terhadap 368 pelajar Maahad Tahfiz Kuala Lumpur dan Madrasatul Quran Kubang Bujuk mendapati 13.6 % responden yang dikaji tidak berkeyakinan dapat mengekalkan hafazan mereka dan 22.0% daripada mereka bimbang tidak berjaya mengekalkan hafazan setelah tamat pengajian. (Abdul Hafiz bin Abdullah et al. 2005) Ini bermakna 35.0% daripada 65.0% responden menghadapi masalah untuk memelihara, mengingat, menjaga, mengawal apa yang telah dihafaz daripada lupa dan hilang.

Antara faktor yang dikenalpasti adalah minat terhadap hafazan al-Quran itu sendiri. Namun begitu minat menghafaz sebenarnya boleh dipupuk. Minat boleh dipupuk dan disemai dengan pelbagai cara iaitu dari bimbingan, keluarga dan juga rakan sebaya. Dengan adanya bimbingan dari orang sekeliling akan menambahkan lagi minat seseorang individu terhadap hafazan al-Quran (Mohd Hazwan 2018). Menurut Slameto (2010) dalam Syahida Sidek & Mohd Hazwan (2018), menyatakan bahawa minat adalah suatu rasa lebih suka dan rasa tertarik pada suatu perkara atau aktiviti, tanpa ada yang menyuruh. Rasa seronok atau suka pada sesuatu perkara timbul dengan sendiri tanpa ada paksaan.

Pelajar yang minat menghafaz al-Quran mampu meningkatkan prestasi hafazan al-Quran mereka. Pelajar yang minat menghafaz juga mudah faham apa yang dikehendaki dalam diri dan sentiasa mencari redha Allah. Matlamatnya, pelajar akan lebih tinggi penghayatan agamanya dan mendekati diri kepada Allah SWT. Pelajar tahfiz yang mempunyai nilai penghayatan agama yang tinggi lazimnya menzahirkan perwatakan dan sahsiah yang baik. Dalam lingkungan umur remaja pada tahap beginilah, mereka sedang membina personaliti, sahsiah dan jati diri mereka sendiri yang memerlukan sokongan dan bimbingan dari pelbagai aspek (Mohd Ismail et al 2004). Oleh itu, kertas kerja ini sangat perlu untuk mencungkil faktor-faktor yang mendorong minat menghafaz al-Quran dalam membentuk keperibadian pelajar tahfiz.

### **3.0 KAJIAN LEPAS TENTANG MINAT DAN HAFAZAN AL-QURAN**

Kajian tentang minat belajar telah banyak dijalankan terutama pada subjek akademik, seperti kajian yang mengkaji minat pelajar terhadap subjek matematik, antaranya kajian Noor Erma Abu & Leong Kwan Eu (2014), kajian Norlia Abd Aziz et al (2006). Kajian Nadzalinda (2015) yang mengkaji minat terhadap subjek Bahasa Inggeris.

Kajian terhadap hafazan al-Quran telah banyak dikaji tetapi kebanyakannya lebih memfokuskan kepada kaedah-kaedah hafazan yang digunakan di maahad- maahad tahfiz, kaedah pengajaran dan pembelajaran tahfiz dan kecemerlangan hafazan al-Quran. Kajian terhadap minat menghafaz al-Quran amat kurang dikaji. Terdapat kajian oleh Norlizah Che Hassan et al (2017) mengkaji tentang minat menghafaz al-Quran, namun kajian ini hanya memfokuskan bentuk sokongan ibu bapa terhadap anak-anak yang mengikuti aliran tahfiz. Kajian ini juga dijalankan melalui kaedah kuantitatif terhadap 411 pelajar tahfiz tingkatan empat sahaja. Berbeza dengan pendekatan yang dibawa, kajian ini dijalankan secara kualitatif melalui kaedah temubual kumpulan berfokus dan memfokuskan faktor-faktor yang mendorong pelajar tahfiz minat menghafaz al-Quran sehingga dapat membentuk keperibadian pelajar tahfiz itu sendiri.

Kajian yang dijalankan oleh Heriyanto Lubis (2019) mengkaji tentang faktor anak minat belajar al-Quran, tetapi hanya memfokuskan kepada minat membaca al-Quran, berbeza dengan kajian ini yang mengkaji minat menghafaz al-Quran. Membaca al-Quran merupakan satu peringkat awal pelajar sebelum menghafaz, namun tidak semua pelajar yang minat membaca al-Quran akan menghafaz al-Quran.

### **4.0 FAKTOR-FAKTOR YANG MENDORONG MINAT MENGHAFAZ**

Minat didefinisikan sebagai kecenderungan yang tinggi terhadap sesuatu, tertarik, ghairah dan berkeinginan melakukan sesuatu (T. Albertus 2006). Minat merupakan dorongan pada diri sendiri seseorang supaya berupaya menjalankan sesuatu aktiviti dan bergiat cergas dalam kehidupan (Zaini Hussein 2003; Omardin 1996) dan mempengaruhi kesediaan belajar dan pencapaian pelajar (Lee 1991).

Minat perlu ditanamkan dalam diri pelajar itu sendiri (Abu Bakar 1994). Seseorang yang berminat dalam perkara yang dipelajari lazimnya akan menunjukkan kesungguhan dan pencapaian yang tinggi. W. Winkel (1983) menambah seseorang itu akan lebih selesa terhadap sesuatu perkara itu jika mempunyai kecenderungan minat yang tinggi dan lazimnya pelajar akan melakukan perkara-perkara yang diminati sahaja (Nadzalinda 2015). Minat juga boleh mendorong pelajar berusaha bersungguh-sungguh kerana minat boleh menjadi daya penggerak dan mempunyai pengaruh yang besar kepada seseorang terhadap sesuatu (Syaza, Sharini & Asmawati 2014).

Minat mempunyai kaitan dengan sikap. Ia bermaksud seseorang akan bersikap positif terhadap sesuatu perkara sekiranya meminati perkara tersebut. Minat dan sikap yang baik terhadap apa jua pekerjaan amat penting bagi mencapai kejayaan dan pencapaian yang cemerlang (Zulzana et.al 2012). Jika diteliti, pelajar yang mempunyai minat yang tinggi terhadap hafazan al-Quran akan mempamerkan sikap yang positif dalam menghafaz al-Quran dan menjaga hafazan dengan baik.

Pelajar yang mempunyai minat yang tinggi akan dapat menyelesaikan sesuatu perkara pada masa yang singkat dan lazimnya akan kehadapan lebih jauh berbanding dengan orang yang tidak mempunyai minat. Dibuktikan dalam kajian Fazlina Binti Abd Rahiman & Aniza Suriati Binti Abdul Shukor (2017), minat mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian pelajar. Keseronokan belajar akan meningkatkan minat dan ia boleh dipertingkatkan lagi dengan dorongan ibu bapa, guru dan rakan-rakan di dalam proses pembelajaran. Kajian oleh Zulkifli, Jamilah, Aminah dan Ismi (2011) juga mengesahkan bahawa terdapat hubungan signifikan tahap tinggi antara penglibatan ibu bapa dengan pencapaian akademik pelajar sekolah menengah di Selangor

Nofrizal (2006), faktor minat merupakan sebahagian faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar. Beberapa faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar tahfiz iaitu faktor motivasi, konsep sendiri, strategi belajar (Nofrizal 2006), faktor idola, faktor kemampuan diri, faktor persekitaran dan faktor pendidikan guru (Sharini Che Ishak 2017). Salasiah et al (2012), faktor lain yang mempengaruhi pencapaian pelajar adalah faktor sosioekonomi, tahap pendidikan ibu bapa, pendapatan keluarga, motivasi diri dan gaya pengajaran dan pembelajaran guru. Faktor-faktor ini dilihat memberi impak yang besar terhadap pencapaian hafazan pelajar. Hasil dari pembacaan kajian lepas, dapat disimpulkan bahawa faktor-faktor yang mendorong minat menghafaz al-Quran adalah terdiri daripada faktor internal dan eksternal. Faktor internal ialah faktor dalaman seperti: (i) Faktor jasmani, contohnya faktor kesihatan dan tubuh badan. (ii) Faktor motivasi dan psikologi, contohnya idola, pemikiran, pengetahuan, perhatian, bakat, dan kematangan. (iii) Faktor kemampuan diri seperti bagaimana seorang pelajar tahfiz membiasakan diri dengan hafazan-hafazan al-Quran dan strategi belajar. Faktor eksternal ialah faktor luaran seperti: (i) Faktor keluarga seperti faktor kewangan dan ekonomi keluarga, tahap pendidikan ibu bapa (ii) Faktor tempat belajar iaitu suasana dan persekitaran maahad, faktor pergaulan bersama rakan, faktor pengajaran dan pembelajaran guru.

## **5.0 METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan kaedah kajian Kualitatif iaitu menggunakan teknik Temubual Kumpulan Berfokus (FGD). Teknik temubual kumpulan berfokus ini dilakukan bagi mendapatkan maklumat yang segar“ fresh“ (Merriam 2009).daripada peserta kajian tentang latar belakang dan minat menghafaz al-Quran. Teknik temubual secara berkumpulan dilakukan terhadap pelajar bagi memastikan mereka berasa selamat untuk menyatakan dan berkongsi idea, kepercayaan, sikap dalam satu kelompok yang berbeza latar belakang sosio ekonomi dan jantina (Newman 2011). Teknik ini dilakukan bagi mewujudkan suasana selesa dan mengurangi kebimbangan dan keraguan pelajar ketika berhadapan dengan pengkaji serta

dapat menjimatkan masa (Creswell 2012). Selain itu, penyelidik berpeluang menterjemahkan sebab sesuatu itu terjadi begitu dan cara ia berlaku.

Kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar maahad-maahad Tahfiz di bawah naungan PITAS yang melibatkan seramai 64 orang pelajar yang dipilih sebagai informan di 8 maahad yang berlainan di seluruh negeri Selangor. Responden kajian ini terdiri daripada pelajar tahfiz lelaki dan perempuan yang berumur 13 tahun ke atas dan telah berada sekurang-kurangnya 1 tahun di maahad tahfiz. Responden yang dipilih juga yang telah memulakan hafazan al-Quran. Peserta yang terlibat dalam sesi Temubual Kumpulan Berfokus (FGD) adalah yang telah mula menghafaz juzuk al-Quran yang berada di 3 tahap yang berbeza iaitu tahap lemah, sederhana dan cemerlang. Maahad Tahfiz yang dipilih adalah mewakili 1 daerah di Selangor adalah seperti berikut:

- i. Maahad Tahfiz Lil Aytam (Kuang, Rawang)
- ii. Maahad Tahfiz Az-Zahrah (Hulu Langat)
- iii. Maahad Tahfiz Vokasional Aman Bestari (Puchong)
- iv. Maahad Tahfiz Darul Muthiah (Shah Alam)
- v. Maahad Tahfiz al-Toyyibah (Sungai Merab)
- vi. Maahad Tahfiz Klang (Klang)
- vii. Akademi Syahadah Darul Faizin ASTAF (Kuala Selangor)
- viii. Maahad Tahfiz Al-Firdaus Bukit Changgang (Banting)

Sebelum sesi temubual Kumpulan Berfokus diadakan, pengkaji telah membuat perundingan awal dengan pihak PITAS untuk mendapatkan persetujuan untuk mendapatkan maahad-maahad yang boleh memberi kerjasama pada pengkaji untuk menjalankan sesi temubual Kumpulan Berfokus. Sesi Temubual Kumpulan berfokus ini dimulai dengan penyelidik sebagai pengantara (enumerator) kepada responden untuk memberi taklimat ringkas berkenaan dengan temubual yang dijalankan. Peserta dimaklumkan tentang kerahsiaan maklumat hanya akan digunakan untuk tujuan penyelidikan sahaja, ini memberi gambaran kepada peserta tidak rasa kekok dan segan untuk memberi respon yang segar (fresh). Sesi ini juga dijalankan bersama peserta dari kalangan pelajar sahaja tanpa guru supaya maklumat yang diberi oleh peserta lebih tulen dan tiada batasan. Pelajar tahfiz dikumpulkan kepada kumpulan kecil dan diberi suguhati sebagai tanda penghargaan memberi kerjasama kepada enumerator.

Kemudian, selepas Temubual Kumpulan Berfokus (FGD) dijalankan, pengkaji menganalisis semua dapatan yang diterima pada kadar segera agar maklumat yang diterima dapat ditranskripsi dan dianalisis dengan baik.

## **6.0 HASIL DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN**

Dapatan kajian dilaporkan berdasarkan dua aspek iaitu latar belakang responden (pelajar tahfiz) dan faktor yang mendorong minat menghafaz al-Quran pelajar tahfiz.

### **6.1 Latar Belakang Responden Kajian**

Kajian ini melibatkan 64 orang pelajar tahfiz di 8 buah maahad tahfiz di bawah naungan PITAS (Persatuan Tahfiz Persendirian Selangor). Responden yang ditemubual adalah terdiri daripada 32 responden lelaki dan 32 responden perempuan. terdiri dari pelajar berumur dalam lingkungan 13-15 tahun seramai 30 orang, 16- 18 tahun seramai 26 orang dan 19-21 tahun seramai 8 orang. Responden yang ditemu bual adalah terdiri dari tiga latar pencapaian hafazan iaitu 23 orang (juzuk 1-10), 24 orang (juzuk 11-20), 17 orang (juzuk 21-30 juzuk).

## 6.2 Pembentukan Minat menghafaz al-Quran Sebelum memasuki Maahad

Responden ditemubual dalam satu sesi khas yang telah diadakan di maahad masing-masing. Jadual 1 menunjukkan respon yang telah dikemukakan hasil daripada temubual tersebut. Semasa sesi temubual, dapat dikenalpasti 34 daripada 64 responden yang telah berminat menghafaz sebelum masuk ke maahad tahfiz. Walaubagaimanapun 30 lagi responden menyatakan bahawa timbul minat menghafaz selepas masuk ke maahad tahfiz. Antara respon yang diberikan semasa temubual tentang timbul minat menghafaz sebelum maahad tahfiz adalah seperti berikut:

*Minat menghafaz timbul dari mendengar bacaan-bacaan imam, mendengar aluanan bacaan al-Quran di MP3, radio dan sebagainya*

*Jadi minat bila dengar imam masjid negeri baca al-Quran, tersentuh lah, sejak tu lah suka.*  
(Maahad Hafiz Klang P6)

*Saya mula-mula minat masa dengan Imam teraweh baca, so saya memang minat lah nak jadi macam tu, baca sedap, lepas tu saya bagitau mak ayah saya nak masuk tahfiz,*  
(Maahad Hafiz Klang P8)

*Minat sendiri, sebab dulu kat sekolah rendah, kadang-kadang balik sekolah, umi selalu pasang surah al-Mulk ke ape ke, lepas tu dari kecil lah selalu dengar, dari situ lah minat,*  
(Maahad Tahfiz Lil Aytam, p8)

## 6.3 Minat menghafaz dari latar belakang ibu bapa dan keluarga

*Minat menghafaz al-Quran ni dari sekolah rendah, dari darjah 4, sebab tengok ayah, ayah hafaz Quran, tapi tak tahu lah berapa juzuk,*  
(Maahad Tahfiz Lil Aytam, P8)

*Sebab keluarga belah mak banyak tahfiz.*  
(Maahad Tahfiz al-Toyyibah, P4)

*Jadi minat bila tengok abang hafaz Quran*  
(MTV Aman Bestari P2)

## 6.4 Minat menghafaz dari dorongan memasuki kem-kem tahfiz hujung minggu, tahfiz harian, tahfiz separuh masa, pertandingan musabaqah

*Saya tertarik sebab saya memang nak duduk asrama, tapi ayah tak bagi mulanya, saya nak jugak, jadi mak saya pun, oklah bagi je. Masa mula-mula minat masa masuk bengkel kat Masjid As-Salam, saya masuk, dari situlah terus minat sampai sekarang.*  
(MTV Aman Bestari P5)

*Masa akhir tahun 2016, saya masuk tahfiz harian kat kajang, pergi pagi balik tengahari, Masa tu darjah 6, tapi tak hafal pun, baca je. Lepas masuk tu rasa best, dari situlah minat menghafal, walaupun saya lambat jugak bab menghafal, tapi tak rasa terbeban sebab bila hafal, hati saya lagi tenang.*

(Maahad Tahfiz Az-Zahrah, P2)

*Saya start menghafaz ni memang dari kecil, Dari darjah 1 sampai darjah 6. Saya menghafaz macam di kelas jugak, tapi kelas kejam je pagi Sekolah agama. Pastu darjah 4 saya masuk sekolah lain, saya masuk sekolah kebangsaan kejam, pastu darjah 5 saya masuk tahfiz. Pastu sampai darjah 6, saya dah stat menghafaz Mak yang start suruh hafaz. Hati sendiri Macam redha je. Bila dah masuk sekolah menengah, nak tinggal Quran, dia rasa serba salah, nak tinggal rasa rugi pulak sebab dah menghafal dari awal.*

(Maahad Tahfiz Az-Zahrah P5)

*Saya Minat sendiri sebelum ni sekolah menengah. Bila form 1 sampai form 3. Pastu masa form 3 tu ada pertandingan musabaqah. Masuk pertandingan hafazan. Pastu mula timbul minat lah masa tu. Dah hafal-hafal tu, ada dapat nombor 3 lah ada lah. Pastu mintak ayah masuk tahfiz lah. Masa hujung tahun masa lepas PMR tu.*

(ASTAF, P5)

*Saya jenis suka tengok kalau kat TV ada je bab-bab Quran saya suka tengok, macam Mengenal al-Quran. Lepas tu mak saya sebelum Maghrib akan buka Indahnya Iman Astro Oasis.saya akan duduk depan TV tengok semua. Pastu dalam kereta pun ayah saya selalu bukak Quran. Memang saja nak bagi otak saya macam tu.*

(ASTAF P6)

#### **6.5 Minat menghafaz dari penampilan dan pergaulan (Idola)**

*Saya minat dari sekolah rendah lagi. Macam suka tengok diorang pakai serban semua, tengok diorang belajar. Tengok kat tempat kenduri ke apa kana da datang budak tahfiz. Nampak budak tahfiz pakai serban. Jadi masuk tahfiz ni, beritahu mak ayah. Saya beritahu saya nak masuk sini.*

(ASTAF, P2)

*Minat dari sekolah rendah lagi – suka tengok pemakaian (berserban) dan jubah putih, rasa best je tengok.*

(Maahad Tahfiz Al-Firdaus P3)

#### **6.6 Minat menghafaz untuk menunaikan impian/ harapan ibu bapa**

*Memang mintak kat mak nak masuk, Sebab tak tahulah, Tetiba rasa minat, jadi mak usahakanlah cari, tapi mak sukalah sebab kita minat kan, tapi dari sekolah rendah memang sekolah dinilah, saya rasa suasana, yang buat saya suka. Tapi masa saya masuk tahfiz, ayah meninggal, bila saya down, rasa susah nak hafaz, saya ingat ayah je, Sebab ayah dulu orang paling gembira saya nak masuk tahfiz.*

(Maahad Tahfiz Az-Zahrah, P1)

*Mula-mula, mak Tanya dulu. Mak Tanya nak masuk tahfiz ke tak? Lepas tu ambik masa dalam, slow jugak lah. Pastu bagitahu mak ayah boleh lah kalau nak masuk, pastu mak hantar. Asalnya memang takda minat lah. Ayah pujuk, dia bagi semangat. Sebab ayah pun hafaz Quran, jadi maybe dia nak jugak anak dia hafaz Quran*

(ASTAF, P4)

Hasil analisis dari temubual yang dijalankan terhadap responden, dapat disimpulkan bahawa minat menghafaz timbul dari (i) Mendengar bacaan-bacaan imam, mendengar alunan bacaan al-Quran di MP3, radio dan sebagainya. (ii) Pengalaman ibu bapa. (iii) Dorongan

memasuki kem-kem tahfiz hujung minggu, tahfiz harian, tahfiz separuh masa, pertandingan musabaqah, (iv) Penampilan dan pergaulan (Idola). (v) Minat menghafaz untuk menunaikan impian/ harapan ibu bapa

#### 6.6 Minat menghafaz al-Quran dipupuk selepas memasuki Maahad

Hasil dari temubual kumpulan berfokus yang telah dijalankan, pelajar tahfiz mengambil masa untuk memupuk minat menghafaz. Pelajar tahfiz mengambil masa 3 bulan ke 2 tahun untuk memupuk minat menghafaz al-Quran. Antara jawapan responden yang timbul minat selepas masuk maahad tahfiz adalah seperti berikut:

*Dekat setahun jugak lah menderita, lepas setahun baru suka, lepas dapat 30 juzuk lagi bertambah suka*

(Maahad Tahfiz al-Toyyibah, P3)

*Minat mula pertengahan tahun form 1.*

(Maahad Hafiz Klang P3)

*Dah setahun lima bulan, baru suka duduk sini, hafaz dapat 13 juzuk.*

(Maahad Tahfiz al-Toyyibah, P5)

*Lama-lama minat, lama jugak amik masa dalam 3 bulan.*

(Maahad Hafiz Klang P6)

Antara faktor yang memupuk minat menghafaz selepas memasuki maahad tahfiz adalah seperti berikut:

##### 6.6.1 Sokongan dan semangat dari rakan-rakan

*Mak ayah suruh, tapi lama-lama minat sendiri, minat mula pertengahan tahun form 1. Masa kat maahad, kawan-kawan yang bagi semangat.*

(Maahad Hafiz Klang P3 &P5)

*Mula-mula rasa macam kena paksa, masa tu darjah 6 masuk tahfiz, pastu makin lama, duduk dalam tahfiz ada kawan-kawan, masuk asrama, kira ada macam satu pengalaman seronok.*

(Maahad Hafiz Klang P2)

*Masa sebelum masuk sini tak minat langsung, masa tu minat belajar akademik je, tapi bila abang saya habis 30 juzuk, masa tu saya tengok ok, macam boleh je ni hafaz. Sebab abang-abang senior boleh kan.*

(Maahad Tahfiz Lil Aytam, p7)

*Minat sendiri, bila dah masuk baru minat sebab tengok kawan-kawan menghafal kot, Kalau time balik kampung rasa sorang-sorang, tak semangat*

(Maahad Tahfiz Lil Aytam, p8)

*Suka lepas masuk sebab tengok senior-senior baik.*

(MTV Aman Bestari P3)



*Mula-mula tak minat langsung, tapi bila nampak kawan- kawan menghafaz, macam bersaing tau, lama-lama minat, lama jugak amik masa dalam 3 bulan.*

(Maahad Hafiz Klang P6)

#### 6.6.2 Suasana dan persekitaran maahad

*Maybe sebab suasana lah.*

(Maahad Hafiz Klang P6)

*Yang pertama mula-mula mak suruh. Lepas tu dalam masa selang dua-tiga hari, sendiri nak. Sebab Macam selesa dengan suasana dan rakan-rakan sekeliling.*

(ASTAF, P3)

*Bila dah kat sini, baru betul-betul minat, kalau kat rumah tu tak berapa sangat, sebab kawan-kawan ada, suruh hafal, kalau skala 1-10 tu, skala 10.*

(Maahad Tahfiz Lil Aytam, p6)

#### 6.6.3 Guru sebagai pembimbing

*Mula-mula tak minat lah, tak suka, lepas masuk maahad baru suka, ustazah garang-garang pun ok, ustazah baik je. Suka la makin lama makin suka*

(Maahad Tahfiz Lil Aytam, p4)

*Ustaz lah banyak tolong, tolong bagi semangat, bagi nasihat jugak kalau saya tak lancar, marah pun ada jugak. Sebab saya yang banyak main.*

(ASTAF P5)

## 7.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, hasil dari analisis temubual kumpulan berfokus, dapat disimpulkan bahawa rasa minat menghafaz al-Quran boleh didorong sebelum memasuki maahad tahfiz. Sikap memupuk menghafaz al-Quran perlu agar pelajar lebih bersedia dari segi mental, emosi dan jati diri. Hal ini kerana, menghafaz al-Quran bukan satu perkara dan usaha yang mudah. Ia memerlukan konsenstrasi dan fokus yang tinggi agar pelajar tahfiz dapat mencintai al-Quran sepenuh hati. Namun begitu, pelajar yang tidak berminat menghafaz al-Quran dari awal kemasukan ke maahad tahfiz sebenarnya boleh menjadi minat menghafaz kerana minat menghafaz al-Quran boleh dipupuk dengan beberapa faktor seperti sokongan dari orang sekeliling, suasana untuk menghafaz yang tenang dan bantuan guru-guru dalam proses hafazan al-Quran. Akan tetapi, proses membentuk dan memupuk minat menghafaz bukan datang sekelip mata, ia memakan tempoh 3 bulan ke 2 tahun untuk pelajar minat dan mencintai al-Quran.

## 8.0 RUJUKAN

- Nofrizal. 2006. Hubungan minat dengan kebolehan membaca al-Quran kajian di Taman Pendidikan al-Quran Luar Bandar Sumatera Barat.
- Sharini Che Ishak. 2017. Kaedah, proses dan faktor yang mempengaruhi pembelajaran Tahfiz dalam kalangan murid sekolah agama kerajaan. Universiti Putra Malaysia.

- Nor Musliza Mustafa & Mokmin Basri. 2014. Perbandingan Kaedah Hafazan al-Quran Tradisional dan Moden satu kajian awal. Kolej Islam Antarabangsa Selangor. Proceeding of the social Science Research KSSR. Kota Kinabalu.
- Anis Syahirah Fauzan & Sabri Mohamed. 2017. Kesan hafazan al-Quran dan hubungannya dengan pencapaian akademik pelajar. Jurnal al-Turth Vol 2.
- Noor Erma Abu & Leong Kwan Ew. 2014. Hubungan antara sikap, minat, pengajaran guru dan pengaruh rakan sebaya terhadap pencapaian matematik Tambahan Tingkatan 4, Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik.
- Nor Musliza Mustafa, Sedek Ariffin & Mokmin Basri. 2016. Gaya Pembelajaran Pelajar dalam Proses Hafazan dan Kefahaman Makna al-Quran: Satu Tinjauan.
- Syaza Mohd Sabri; Sharini Che Ishak; Asmawati Suhid. 2014. Kajian Minat dan Motivasi Murid terhadap Pengajaran Pendidikan Islam. GREDEC Universiti Putra Malaysia.
- Norlizah Che Hassan; Fathiyah Mohd Fakhruddin; Ahmad Fauzi Mohd Ayub; Lukman Abd Mutalib; Wan Marzuki Wan Jaafar. 2017. Minat murid yang mengikuti aliran tahfiz dan bentuk sokongan yang diterima. Journal of Humanities, Language Culture and Business (HLCB), Vol 1 No 2.
- Syahids Sidek & Mohd Hazwan Mohd Puad (2019), Eksplorasi Minat dan Faktor dalam pemilihan kerjaya Pertanian dalam kalangan Belia. Prosiding Seminar kebangsaan Majlis Pekan Pendidikan Universiti Awam. UNISZA.